

## Kesediaan Guru Pemulihan Khas Terhadap Kemahiran 3m Murid Selepas Pandemik Di Daerah Padawan

Josephine Ensuna Anak Jouse<sup>1\*</sup>, Khairul Azhar Jamaludin<sup>1\*</sup>, Ahmad Zamri Mansor<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [ensuna1989@gmail.com](mailto:ensuna1989@gmail.com), [khairuljamaludin@ukm.edu.my](mailto:khairuljamaludin@ukm.edu.my), [azamri@ukm.edu.my](mailto:azamri@ukm.edu.my)

Received: 23 February 2024 | Accepted: 10 April 2024 | Published: 30 April 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.44>

**Abstrak:** Sejak penutupan sekolah sepanjang pandemik berlaku, negara Malaysia mendepani isu keciciran pembelajaran iaitu masih ramai murid belum menguasai kemahiran 3M murid. Satu kajian tinjauan dijalankan untuk melihat kesediaan dari segi pengetahuan dan sikap guru Pemulihan Khas dalam pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik. Kajian ini melibatkan 67 buah sekolah rendah di dalam daerah Padawan, Sarawak. Seramai 62 orang responden yang dipilih dengan menggunakan pensampelan rawak mudah. Satu kajian rintis dijalankan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang melibatkan seramai 44 orang guru Pemulihan Khas. Instrumen soal selidik diedarkan dengan menggunakan aplikasi Google Form. Nilai pekali kebolehpercayaan bagi 26 item soal selidik menunjukkan Alpha Cronbach dengan nilai 0.99. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dan kaedah inferensi melalui perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 29.0. Dapatan kajian menunjukkan nilai skor min keseluruhan bagi domain pengetahuan (min= 4.15, SP=0.42) dan domain sikap guru (min= 4.23, SP=0.43). Dapatan kajian menunjukkan tiada hubungan signifikan antara pengetahuan dan sikap guru Pemulihan Khas dengan pengalaman mengajar literasi dan numerasi dalam melaksana program Pemulihan Khas selepas pandemik. Kajian ini akan memberi gambaran tahap kesediaan guru Pemulihan Khas di daerah Padawan.

**Kata Kunci:** Kesediaan Guru Pemulihan Khas, Kemahiran 3M, Selepas Pandemik

**Abstract:** Since the closure of schools throughout the pandemic, Malaysia is facing the issue of learning loss, which many pupils still have not yet mastered the basic skills (reading, writing and counting skills). A survey study was conducted to see the readiness in terms of knowledge and attitudes of remedial teachers in the implementation of the remedial program after the pandemic. This study involved 67 primary schools in the Padawan district, Sarawak. A total of 62 respondents who were selected using simple random sampling. A pilot study was conducted to assess the validity and reliability of the questionnaire instrument involving a total of 44 remedial teachers. The questionnaire instrument was distributed using the Google Form application. The value of the reliability coefficient for the 26 questionnaire items shows Cronbach's Alpha with a value of 0.99. The findings of the study were analyzed using descriptive and inferential methods through the Statistical Package for the Social Science (SPSS) software version 29.0. The results of the study show that the overall mean score for the knowledge domain (mean= 4.15, SP=0.42) and the teacher's attitude domain (mean= 4.23, SP=0.43). The findings of the study show that there are no significant relationship between the knowledge and attitude of remedial teachers and the experience of teaching literacy and

*numeracy in implementing the remedial program after the pandemic. This study will provide an overview of the level of readiness of remedial teachers in the Padawan district.*

**Keywords:** Remedial Teacher Readiness, Basic Skills, After Pandemic

---

## 1. Pengenalan

Kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh semua murid. Tanpa penguasaan kemahiran 3M sukar bagi murid yang lemah mengikuti dan fokus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas berbanding dengan murid yang telah menguasai kemahiran 3M. Penguasaan kemahiran 3M penting supaya murid mengubah mobiliti sosial mereka untuk mendapat kehidupan yang lebih berkualiti dan sihat. Sejak pemansuhan UPSR dan LINUS diberhentikan, pihak sekolah diberi autonomi untuk mentadbir dan mengesan murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran 3M. Pada tahun 2019, seramai 434,177 orang calon murid sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan menduduki UPSR (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Berdasarkan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019, sebanyak 13.71 peratus iaitu dalam anggaran 59,525 orang calon Kertas Pemahaman Bahasa Melayu dan 16.93 peratus bagi calon UPSR Kertas Penulisan Bahasa Melayu dalam anggaran 73,506 orang masih belum mencapai tahap minimum. Bagi mata pelajaran Matematik sebanyak 16.87 peratus iaitu seramai 72,941 orang calon UPSR masih belum mencapai tahap minimum kemahiran asas Matematik.

Pada awal tahun 2020 merupakan titik permulaan peningkatan masalah keciciran pembelajaran secara drastik. Seluruh dunia digemparkan dengan penyebaran wabak COVID-19. Keadaan ini mendesak kerajaan untuk mengawal pergerakan penduduknya dan penutupan sekolah berlaku. Kanak-kanak dan remaja terpaksa mengadaptasi pembelajaran hibrid, pembelajaran teradun dan pembelajaran jarak jauh. Baru-baru ini di Malaysia, dilaporkan seramai 269,332 orang murid masih belum menguasai kemahiran 3M di seluruh Malaysia semasa jawapan lisan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Dewan Negara pada 25 Mac 2023 (Amir Hamzah Nordin, 2023; Dewan Negara Malaysia, 2023). Lantaran itu, berdasarkan data yang dikutip melalui pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), sebanyak 6.03 % iaitu seramai 117,656 orang murid daripada 1,948,975 orang murid belum menguasai tahap penguasaan (TP) minimum iaitu TP 1 dan TP 2 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan sebanyak 6.08 % iaitu seramai 151,676 orang murid daripada 2,493,481 orang murid belum mencapai tahap penguasaan minimum bagi mata pelajaran Matematik (Dewan Negara Malaysia, 2023).

Oleh itu, wajar satu kajian perlu dilakukan untuk melihat kesediaan guru pemulihan khas dalam pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik bagi menangani isu kemahiran 3M di dalam daerah Padawan, Sarawak. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi pengetahuan terhadap pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik?
- ii. Apakah tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi sikap terhadap pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik?
- iii. Adakah terdapat hubungan signifikan antara tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi pengetahuan dengan pengalaman mengajar literasi dan numerasi dalam melaksana program Pemulihan Khas selepas pandemik?
- iv. Adakah terdapat hubungan signifikan antara tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi sikap dengan pengalaman mengajar literasi dan numerasi dalam melaksana program Pemulihan Khas selepas pandemik?

## 2. Sorotan Literatur

Guru Pemulihan Khas perlu mempunyai kesediaan yang tinggi untuk menjadi guru yang berkesan. Untuk menjadi guru yang kompeten, guru perlu berubah mengikut perubahan peredaran dunia pendidikan untuk menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan kepakaran mereka dan topik ini juga sering dikaji oleh penyelidik (Guerriero, 2017).

### 2.1 Pengetahuan Guru Pemulihan Khas

Guru Pemulihan perlu melengkapi diri mereka dengan pengetahuan yang luas sama ada berkenaan dengan perubahan sistem pendidikan, bidang diajar, pedagogi, murid dan pengurusan kelas. Menurut Shulman (1987), seorang guru perlu memiliki pengetahuan yang mendalam iaitu terbahagi kepada tujuh bahagian iaitu i) pengetahuan isi kandungan; ii) pengetahuan umum pedagogi; iii) pengetahuan kandungan pedagogi; iv) pengetahuan kurikulum; v) pengetahuan tentang pelajar dan karatannya; vi) pengetahuan kandungan pendidikan; dan vii) pengetahuan matlamat akhir pendidikan dan nilainya. Setiap bahagian ini merupakan keperluan untuk guru Pemulihan Khas untuk menjadi guru yang berkesan dalam membantu murid menguasai kemahiran 3M.

### 2.2 Sikap Guru Pemulihan Khas

Sikap merujuk kepada persepsi, keyakinan dan penilaian yang membentuk tingkah laku dan reaksi individu terhadap situasi atau isu tertentu. Menurut Chiriacescu et. al. (2023), sikap guru merupakan faktor yang mempengaruhi minat guru dalam gaya pengajaran mereka. Sikap guru dipengaruhi oleh apakah dan bagaimanakah pembelajaran murid (Zacharia Z., 2003). Guru yang mempunyai sikap yang positif dan motivasi tinggi dapat mempengaruhi murid untuk belajar dalam mana-mana mata pelajaran atau tingkah laku mereka (Korur F., Vargas R. & Serrano NT, 2016). Hasil dapatan kajian Zamri (2014) mendapati sukar bagi guru cemerlang bagi sesuatu mata pelajaran seandainya guru masih menggunakan kaedah pengajaran tradisional tanpa mengetahui keupayaan murid berfikir.

## 3. Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu reka bentuk kajian tinjauan. Reka bentuk ini sesuai untuk menggambarkan trend bagi suatu populasi atau menerangkan hubungan antara pemboleh ubah atau perbandingan kumpulan kajian (Creswell, J. W., 2012). Kajian ini melibatkan guru Pemulihan Khas sekolah rendah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Padawan, Sarawak iaitu seramai 67 orang guru pemulihan khas. Saiz sampel kajian adalah seramai 56 orang guru Pemulihan Khas yang ditentukan berbanding Jadual Penentuan Saiz Sampel Penyelidikan Krecjie dan Morgan (1970). Responden kajian dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Instrumen soal selidik yang dibina dengan mengadaptasi melalui instrumen soal selidik kajian Ahmad et. al. (2023), Nurul et. al. (2020) dan Derbala et. al. (2022).

Pengkaji menggunakan aplikasi *Google Form* untuk kutipan data dan pautan URL dikongsikan melalui media *WhatsApps* dan *Telegram*. Jadual 1 merupakan rumusan instrumen soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian yang menggunakan skala 5 likert. Indikator bagi skala 1 bermaksud Sangat Tidak Setuju (STS), skala 2 bermaksud Tidak Setuju (TS), skala 3 bermaksud Kurang Setuju (KS), skala 4 bermaksud Setuju (S) dan skala 5 bermaksud Sangat Setuju (SS). Nilai kebolehpercayaan Lim (2007) digunakan memastikan instrumen ini mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Jadual 2 merupakan panduan nilai pekali kebolehpercayaan Lim (2007). Kesahan muka dan kesahan kandungan dinilai oleh dua

orang pakar yang berkhidmat di PPD Daerah Padawan yang mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun.

**Jadual 1: Rumusan Konstruk Instrumen Soal Selidik**

Konstruk	Huraian Konstruk	Jumlah Item
Bahagian A	Maklumat demografi responden	8
Bahagian B	Membincangkan domain pengetahuan guru Pemulihan Khas terhadap pelaksanaan Program Pemulihan Khas	16
Bahagian C	Membincangkan domain sikap guru Pemulihan Khas terhadap pelaksanaan Program Pemulihan Khas	10
Jumlah Keseluruhan Item		34

**Jadual 2: Panduan Nilai Pekali Kebolehpercayaan Lim (2007)**

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat Baik
0.80 - 0.89	Baik
0.60 - 0.79	Sederhana
0.40 - 0.59	Diragui
0.00 - 0.39	Ditolak

Menurut Churchill (1979) kebolehpercayaan bagi konsistensi dalaman perlu dilakukan supaya indikator bagi skala mengukur konstruk yang sama dan mempunyai kolerasi yang tinggi antara konstruk. Pengkaji perlu mengikut dua proses diagnostik untuk menentukan konsistensi dalaman (*internal consistency*) iaitu (i) jumlah item kolerasi (*item-to-total correlation*) mesti melebihi 0.50 dan kolerasi antara item (*inter-item-correlation*) mesti melebihi 0.30; dan (ii) koefisien kebolehpercayaan (*reliability coefficient*) untuk menguji ketekalan setiap skala dengan Cronbach's Alpha melebihi 0.70 (Robinson et. al. ,1991). Setiap konstruk dianalisis menggunakan program *Statistical Packages for The Social Sciences* (SPSS) Versi 29.0. Seramai 44 orang responden kajian rintis terlibat untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen soal selidik.

Nilai pekali kolerasi antara keseluruhan item adalah dalam julat 0.74 hingga 0.92 iaitu melebihi nilai 0.5. Bagi keseluruhan 34 item, nilai kolerasi antara item adalah dalam julat 0.5 hingga 0.95. Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi keseluruhan item adalah 0.99. Secara keseluruhannya, dua domain yang diukur mempunyai nilai kolerasi yang baik. Nilai kolerasi antara item juga adalah positif dan melebihi nilai syarat 0.3. Menurut Lim (2007), nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach dengan nilai 0.99 menunjukkan instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang amat baik. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif iaitu melihat peratusan, kekerapan, min, dan sisihan piawai. Indikator skor min dan interpretasi dari Nunnally & Berstein (1994) adalah seperti berikut: skor min 1.00-2.00 (rendah); 2.01 - 3.00 (sederhana rendah); 3.01- 4.00 (sederhana tinggi); 4.01 - 5.00 (tinggi) yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Analisis inferensi pula untuk hipotesis nul<sup>1</sup> dan hipotesis nul<sup>2</sup> dengan menggunakan ujian kolerasi *Pearson*. Ujian Kenormalan dilakukan bagi mengetahui taburan data. Jadual 3 merupakan panduan dari Hinkle et. al. (2003) untuk mentafsir hubungan antara pembolehubah.

**Jadual 3: Tafsiran bagi Size Nilai Kolerasi Koefisien (Hinkle et. al.,2003)**

Saiz Kolerasi	Tafsiran
.90 hingga 1.00 atau -.90 hingga -1.00	Kolerasi Sangat tinggi (positif/negatif)
.70 hingga .90 atau -.70 hingga -.90	Kolerasi Tinggi (positif/negatif)
.50 hingga 7.00 atau -.50 hingga -.70	Kolerasi Sederhana (positif/negatif)
.30 hingga .50 atau -.30 hingga -.50	Kolerasi Rendah (positif/negatif)
.00 hingga .30 atau -.00 hingga -.30	Tiada Kolerasi

## 4. Dapatan Kajian

### 4.1 Analisis Profil Responden

Secara ringkas, responden kajian terdiri daripada 14 orang (22.6%) guru lelaki Pemulihan Khas dan 48 orang (77.4 %) guru perempuan Pemulihan Khas. Jadual 4 merupakan rumusan maklumat demografi responden.

**Jadual 4: Maklumat Demografi Responden**

Demografi	Kekerapan (f)	Peratusan (%)	
Jantina	Lelaki	14	22.6
	Perempuan	48	77.4
Umur	Bawah 29 tahun	2	3.2
	30 - 40 tahun	23	37.1
	41 - 49 tahun	30	48.4
	50 - 60 tahun	7	11.3
Tahap Pendidikan Tertinggi	Sijil	1	1.6
	Diploma	1	1.6
	STPM	0	0
	Sarjana Muda	54	87.1
	Sarjana	6	9.7
Tahun Pengalaman mengajar	Kedoktoran	0	0
	5 tahun ke bawah	4	6.5
	6 - 10 tahun	7	11.3
	11-15 tahun	36	58.1
	16 - 20 tahun	12	19.4
21 tahun ke atas	3	4.8	

### 4.2 Domain Pengetahuan Guru Pemulihan Khas

Jadual 5 menerangkan interpretasi skor min domain pengetahuan secara keseluruhan. Tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi pengetahuan terhadap pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik dapat diinterpretasikan pada tahap yang tinggi iaitu nilai skor min adalah 4.15 dan sisihan piawai 0.42.

**Jadual 5: Interpretasi Skor Min Domain Pengetahuan**

No. Item	Domain Pengetahuan	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
B1	Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Program Pemulihan Khas.	4.27	0.54	Tinggi
B2	Saya boleh merancang dan melaksanakan Program Pemulihan Khas mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Program Pemulihan Khas (2012).	4.31	0.53	Tinggi
B3	Saya tahu merujuk Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu 2019 untuk merancang RPH/RPT/RPI.	4.32	0.53	Tinggi
B4	Saya tahu merujuk Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Versi Bahasa Inggeris 2019 untuk merancang RPH/RPT/RPI.	3.94	0.88	Sederhana Tinggi
B5	Saya mempunyai pengetahuan mencukupi tentang kemahiran asas mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan seni bahasa dalam Bahasa Melayu	4.11	0.57	Tinggi
B6	Saya mempunyai pengetahuan mencukupi tentang kemahiran asas Matematik dalam Bahasa Inggeris (DLP) / Bahasa Cina (aliran SJKC).	3.92	0.75	Sederhana Tinggi
B7	Saya mempunyai pengetahuan tentang penilaian dan pentaksiran di bawah Program Pemulihan Khas.	4.18	0.49	Tinggi
B8	Saya tahu menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran di dalam kelas.	4.18	0.46	Tinggi
B9	Saya tahu menggunakan strategi pengajaran yang sesuai untuk murid Pemulihan Khas.	4.15	0.53	Tinggi
B10	Saya tahu menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk murid Pemulihan Khas.	4.19	0.50	Tinggi
B11	Saya mempunyai pengetahuan mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.	3.94	0.59	Sederhana Tinggi
B12	Saya tahu cara mengurus kelas dengan baik.	4.21	0.44	Tinggi
B13	Saya tahu merancang dan menyediakan RPH/RPI berdasarkan keupayaan murid.	4.19	0.47	Tinggi
B14	Saya tahu membimbing murid Pemulihan Khas dengan menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai.	4.18	0.42	Tinggi
B15	Saya tahu melibatkan murid Pemulihan Khas secara aktif sepanjang aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas.	4.19	0.47	Tinggi
B16	Saya tahu merancang dan melaksanakan program intervensi untuk murid Pemulihan Khas.	4.13	0.52	Tinggi
<b>Keseluruhan Domain Pengetahuan</b>		<b>4.15</b>	<b>0.42</b>	<b>Tinggi</b>

### 4.3 Domain Sikap Guru Pemulihan Khas

Jadual 6 menerangkan interpretasi skor min domain sikap secara keseluruhan. Berdasarkan nilai skor min bagi domain sikap adalah 4.23 dan nilai sisihan piawai adalah 0.43. Ini menunjukkan tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi sikap terhadap pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik dapat ditafsir pada tahap yang tinggi.



**Jadual 6: Interpretasi Skor Min Domain Sikap**

No. Item	Domain Kemahiran	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
C1	Saya sentiasa merancang pengajaran berdasarkan keupayaan murid.	4.24	0.502	Tinggi
C2	Saya sentiasa menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk memenuhi keperluan murid Pemulihan Khas.	4.18	0.497	Tinggi
C3	Saya sentiasa memilih bahan bantu mengajar yang sesuai untuk menarik minat murid Pemulihan Khas.	4.23	0.493	Tinggi
C4	Saya sentiasa menggalakkan murid terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	4.24	0.502	Tinggi
C5	Saya sentiasa membantu murid Pemulihan Khas dalam masalah pembelajaran.	4.32	0.536	Tinggi
C6	Saya menyediakan penilaian dan pentaksiran yang sesuai untuk murid Pemulihan Khas.	4.16	0.451	Tinggi
C7	Saya sentiasa menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif.	4.26	0.541	Tinggi
C8	Saya bersedia mengikuti sebarang bengkel/kursus yang dianjurkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru.	4.35	0.515	Tinggi
C9	Saya sentiasa melengkapkan diri dengan kemahiran digital.	4.1	0.564	Tinggi
C10	Saya sentiasa bersedia dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia.	4.19	0.568	Tinggi
<b>Keseluruhan Domain Sikap</b>		<b>4.23</b>	<b>0.43</b>	<b>Tinggi</b>

#### 4.4 Pengetahuan Guru Pemulihan Khas Dengan Pengalaman Mengajar

*HO<sup>1</sup>: Tidak terdapat hubungan signifikan antara tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi pengetahuan dengan pengalaman mengajar literasi dan numerasi dalam melaksana program Pemulihan Khas selepas pandemik.*

Ujian Kenormalan dilakukan untuk menentukan sama ada analisis inferensi menggunakan ujian kolerasi Pearson ( $r$ ) (bagi taburan normal) atau ujian kolerasi Spearman-Rho ( $r_s$ ) (bagi taburan tidak normal). Syarat penggunaan ujian parametrik, nilai *Skewness* dan *Kurtosis* perlu terletak dalam julat  $\pm 1.96$ . Jika nilai *z-scores* bagi *Skewness* dan *Kurtosis* adalah kurang daripada  $\pm 1.96$ , maka data itu dikira normal (Field, 2009 dan Kim, 2013). Secara keseluruhan, taburan data kajian ini adalah normal kerana nilai *Skewness* dan *Kurtosis* dalam julat  $\pm 1.96$  seperti di jadual 7. Maka, ujian parametrik kolerasi *Pearson* ( $r$ ) digunakan untuk mengetahui hubungan antara dua pembolehubah.

**Jadual 7: Ujian Kenormalan bagi Domain Pengetahuan dan Domain Sikap**

Domain	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai <i>Skewness</i>	Nilai <i>Kurtosis</i>
Pengetahuan	62	4.15	0.42	0.58	0.19
Sikap	62	4.23	0.43	0.32	0.19

Jadual 8 menunjukkan nilai pekali kolerasi *Pearson* antara pengalaman guru dengan pengetahuan guru. Hasil ujian kolerasi *Pearson* menunjukkan tiada hubungan signifikan antara pengetahuan guru Pemulihan Khas dengan pengalaman guru Pemulihan Khas. Dapatan kajian menunjukkan nilai  $r(60) = 0.19$  dan  $p = 0.15$  ( $P > 0.05$ ).  $HO^1$  gagal ditolak. Daripada analisis ini, kesimpulan yang boleh dibina adalah kemungkinan bahawa pengalaman mengajar tidak berkait dengan pengetahuan guru Pemulihan Khas.

**Jadual 8: Nilai Pekali Kolerasi Pearson Pengalaman Guru Dengan Pengetahuan Guru**

		Pengalaman	Pengetahuan
Pengalaman	Pearson Correlation	1	0.185
	Sig. (2-tailed)		0.150
	N	62	62
Pengetahuan	Pearson Correlation	0.185	1
	Sig. (2-tailed)	0.150	
	N	62	62

#### 4.5 Sikap Guru Pemulihan Khas Dengan Pengalaman Mengajar

*HO<sup>2</sup>: Tidak terdapat hubungan signifikan antara tahap kesediaan guru pemulihan khas dari segi sikap dengan pengalaman mengajar literasi dan numerasi dalam melaksana program Pemulihan Khas selepas pandemik.*

Jadual 9 menunjukkan nilai pekali kolerasi *Pearson* antara pengalaman guru dengan sikap guru. Ujian kolerasi *Pearson* telah dijalankan menunjukkan tiada hubungan signifikan antara sikap guru Pemulihan Khas dengan pengalaman guru Pemulihan Khas. Dapatan kajian menunjukkan nilai  $r(60) = 0.08$  dan  $p = 0.52$  ( $P > 0.05$ ).  $HO^2$  gagal ditolak. Daripada analisis ini, kesimpulan yang boleh dibina adalah kemungkinan bahawa pengalaman mengajar tidak berkait dengan sikap guru Pemulihan Khas.

**Jadual 9: Nilai Pekali Kolerasi Pearson Pengalaman Guru Dengan Sikap Guru**

		Pengalaman	Sikap
Pengalaman	Pearson Correlation	1	0.084
	Sig. (2-tailed)		0.517
	N	62	62
Sikap	Pearson Correlation	0.084	1
	Sig. (2-tailed)	0.517	
	N	62	62

## 5. Perbincangan

Perbincangan ini memfokuskan kesediaan guru Pemulihan Khas dari segi pengetahuan dan sikap terhadap pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik. Kajian berkaitan dengan program Pemulihan Khas adalah terhad. Jadi perbincangan ini diulas berdasarkan kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pelbagai bidang.

### 5.1 Pengetahuan Guru Pemulihan Khas

Hasil dapatan kajian menunjukkan skor min domain pengetahuan yang mengandungi pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan teknologi digital berkaitan dengan program Pemulihan Khas diinterpretasikan tinggi. Dapatan ini menjelaskan yang guru Pemulihan Khas memiliki pengetahuan yang mendalam dan luas untuk membantu murid Pemulihan Khas menguasai kemahiran 3M. Guru Pemulihan Khas yang cekap perlu mempunyai pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi (Shulman, 1986; Shulman 1987) untuk membantu kumpulan murid Pemulihan Khas untuk menguasai subjek khusus (kemahiran 3M) dan pengetahuan teknologi digital (Mishra & Koehler, 2006) untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif.



## 5.2 Pengetahuan Guru Pemulihan Khas

Hasil dapatan bagi domain sikap menunjukkan skor min diinterpretasi tinggi menggambarkan responden mempunyai sikap positif terhadap pelaksanaan program Pemulihan Khas selepas pandemik. Dapatan ini menjelaskan bahawa sikap positif daripada responden membolehkan mereka merancang dan melaksanakan kelas Pemulihan Khas dengan lebih lancar dan teratur serta dapat membantu murid dengan lebih berkesan. Tambahan, pengetahuan guru juga mempunyai perkaitan dengan sikap guru. Melalui kajian ini, kesimpulan yang dapat dibina adalah guru yang berpengetahuan tinggi, sikap guru juga adalah positif tinggi. Pernyataan ini selari dengan hasil kajian Mursyida Aleas & Norshidah Mohd Salleh (2021) yang mengkaji tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Pendidikan Khas terhadap pengajaran modular. Dapatan kajian mereka menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan antara pengetahuan dengan sikap guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pengajaran Modular.

## 5.3 Hubungan Pengetahuan Guru Pemulihan Khas dan Pengalaman Mengajar

$H_0^1$  gagal ditolak kerana dapatan menunjukkan tiada hubungan signifikan antara pengetahuan guru Pemulihan Khas dan pengalaman mengajar literasi dan numerasi dalam melaksana program Pemulihan Khas selepas pandemik. Kesimpulan yang dapat dibina adalah guru yang berpengalaman atau kurang berpengalaman tidak memberi apa-apa gambaran terhadap pengetahuan guru Pemulihan Khas kerana guru novis dan guru berpengalaman mempunyai pengetahuan yang hampir sama untuk mengajar literasi dan numerasi bagi program Pemulihan Khas. Hasil dapatan ini selari dengan kajian Mohamad Safwandi (2017) yang menunjukkan bahawa pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi guru matematik sekolah rendah sama ada guru novis dan guru berpengalaman adalah hampir sama. Kajian ini menunjukkan yang guru matematik novis turut mempunyai peluang yang sama untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Walau bagaimana pun, guru novis perlu menjalani pembelajaran yang berterusan supaya dapat meningkatkan potensi diri mereka untuk mencapai ilmu pengetahuan yang setara dengan guru yang berpengalaman. Namun demikian, hasil dapatan ini bercanggah dengan hasil dapatan kajian Clermont, Borko & Krajcik (1994) mendapati guru yang berpengalaman mengetahui pelbagai cara penyampaian menerangkan konsep secara mendalam bagi subjek kimia berbanding dengan guru novis. Tambahan, guru yang berpengalaman lebih mahir mengesan kesalahan dan kenyataan yang mengelirukan yang disampaikan oleh individu berkenaan dengan konsep kimia. Malah mereka tahu menggunakan cara yang senang dan mudah untuk memahamkan pelajar. Ini menunjukkan terdapat perkaitan antara pengetahuan dengan pengalaman.

## 5.4 Hubungan Pengetahuan Guru Pemulihan Khas dan Pengalaman Mengajar

$H_0^2$  gagal ditolak kerana dapatan menunjukkan tiada hubungan signifikan antara sikap guru Pemulihan Khas dan pengalaman. Kesimpulan yang dapat dibina adalah guru yang berpengalaman atau kurang berpengalaman tidak memberi apa-apa gambaran terhadap sikap guru Pemulihan Khas kerana guru novis dan guru berpengalaman menunjukkan sikap positif yang hampir sama dalam mengajar literasi dan numerasi bagi program Pemulihan Khas. Kenyataan ini berketepatan dengan dapatan kajian McHargue K. M. (2019) yang mendapati tiada hubungan signifikan antara pengalaman guru dan sikap guru terhadap gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD). Kajian Henry, D., & Mahamod, Z. (2021) mendapati factor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi sikap guru dalam menggunakan Kemahiran Berfikir Enam Topi Pemikiran dalam pengajaran Bahasa Melayu.

## 6. Kesimpulan

Peranan guru Pemulihan Khas amat penting untuk membantu anak murid menguasai kemahiran 3M supaya mereka tidak terus ketinggalan di dalam kelas perdana. Kesimpulannya, nilai skor min bagi domain pengetahuan (min= 4.15, SP=0.42) dan sikap guru (min= 4.23, SP=0.43) diinterpretasi tinggi.  $H_0^1$  dan  $H_0^2$  gagal ditolak kerana dapatan menunjukkan tiada hubungan signifikan antara pengetahuan dan sikap guru Pemulihan Khas dengan pengalaman mengajar literasi dan numerasi dalam melaksana program Pemulihan Khas selepas pandemik.

Implikasi kajian tinjauan ini dapat menyumbang gambaran tentang kesediaan guru Pemulihan Khas dan mengetahui keperluan guru Pemulihan Khas untuk menjadi guru yang efektif dalam mendepani masalah kemahiran 3M yang kian meningkat. Akhir sekali, saranan untuk kajian masa hadapan adalah seperti berikut: (i) mengkaji hubungan kelayakan akademik dengan tahap kesediaan guru Pemulihan Khas terhadap kemahiran 3M murid; (ii) mengkaji hubungan pencapaian murid Pemulihan dengan pengetahuan Guru Pemulihan Khas; (iii) bagi pengkaji yang menjalankan kajian di Sarawak, pengkaji libatkan responden dalam kalangan guru sekolah kebangsaan kerana penggunaan bahasa Inggeris (Dual Language Program) dalam matematik.

## Rujukan

- Ahmad Al Hilmi Mohammad Salleh & Lilia Binti Halim (2023). Pelaksanaan Pendidikan STEM: Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan, Sikap, Kemahiran Pedagogi dan Penilaian Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002146. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2146>
- Amir Hamzah Nordin (2023). Dua Beaks Presiden Kesatuan Guru terkejut 269332 murid gagal kuasai pembelajaran. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1095051/dua-bekas-presiden-kesatuan-guru-terkejut-269332-murid-gagal-kuasai>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (4th ed.)*. Boston, MA: Pearson.
- Clermont, C. P., Borko, H., & Krajcik, J. S. (1994). Comparative study of the pedagogical content knowledge of experienced and novice chemical demonstrators. *Journal of Research in Science Teaching*, 31(4), 419–441. <https://doi.org/10.1002/tea.3660310409>
- Dewan Negara Malaysia (2023). *Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Dewan Negara Mesyuarat Pertama 2023, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas. No Soalan 25*. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JLDN28032023.pdf>
- Derbala, R., & M. Yasin, R. (2022). Tahap Pengetahuan, Penerimaan, Kesediaan dan Amalan Pengajaran Guru Pemulihan Khas Terhadap Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001445. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1445>
- Henry, D., & Mahamod, Z. (2021). Hubungan Antara Tahap Kompetensi, Kesediaan Dan Sikap Guru Dalam Menggunakan Kemahiran Berfikir Enam Topi Pemikiran Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 46-56. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12555>
- Guerriero, S. (ed.) (2017). *Pedagogical Knowledge and the Changing Nature of the Teaching Profession*, Educational Research and Innovation, OECD Publishing, Paris, <https://doi.org/10.1787/9789264270695-en>.

- Field, A. (2009). *Discovering Statistics Using SPSS* (3<sup>rd</sup> Edition). London: SAGE Publications Ltd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019 (Kenyataan Akhbar)*. Kementerian Pelajaran Malaysia. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3056-pelaporan-pentaksiran-sekolah-rendah-2019/file>.
- Kim, H. (2013). Statistical notes for clinical researchers: assessing normal distribution (2) using skewness and kurtosis. *Open lecture on statistics* (NA), 52-54. <http://dx.doi.org/10.5395/rde.2013.38.1.52>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Korur F, Vargas R, Serrano NT (2016). Attitude toward Science Teaching of Spanish and Turkish In-service Elementary Teachers: Multi-group Confirmatory Factor Analysis. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*. 12(2):303–20.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J. & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. 7th Edition, Pearson, New York.
- Hinkle, D. E., Wiersma, W., & Jurs, S. G. (2003). *Applied statistics for the behavioral sciences*. Vol. 663. Boston: Houghton Mifflin.
- McHargue, Keisha M. (2019). *The Relationship between Teacher Experience and Teacher Attitude toward Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*. Doctoral Dissertations and Projects. 2132. <https://digitalcommons.liberty.edu/doctoral/2132>
- Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for integrating technology in teachers' knowledge. *Teachers College Record*, 108 (6), 1017–1054
- Mohamad Safwandi, S. (2017). Pengetahuan pedagogi isi kandungan dalam kalangan guru novis dan guru berpengalaman di sekolah rendah daerah Hulu Langat. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau ke-VIII*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mursyida Aleas & Norshidah Mohd Salleh (2021). Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Terhadap Pengajaran Modular di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat, Selangor [Special Education Teacher's Level of Knowledge, Skills, and Attitude on Modular Teaching in Primary Schools in Hulu Langat District, Selangor]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 92-106.
- Nurul Ashikin Md. Yatim, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah (2020). Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, Vol. 10, Bil.2 (Nov. 2020): 43-53. <http://journalarticle.ukm.my/16195/1/235-451-1-SM.pdf>
- Nunnally, J.C. and Bernstein, I.H. (1994). *The Assessment of Reliability. Psychometric Theory*, 3, 2
- Sailer, M., Stadler, M, Schultz-Pernice, F., Franke, U., Schöffmann, C., Paniotova, V., Husagic, L. & Fischer, F. (2021). Technology-related teaching skills and attitudes: Validation of a scenario-based self-assessment instrument for teachers. *Computers in Human Behavior*, Vol. 115. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2020.106625>
- Shulman, L. S. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14. <https://doi.org/10.2307/1175860>
- Shulman, L. S. (1987). *Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform*. Harvard Education Review, 57(1), 1–22

- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zacharia Z. (2003). Beliefs, attitudes, and intentions of science teachers regarding the educational use of computer simulations and inquiry-based experiments in physics. *Journal of Research in Science Teaching*. 40(8) :792–823.  
<https://doi.org/10.1002/tea.10112>